

# UBAT TERKAWAL DIJUAL BERLELUASA DALAM TALIAN

Penggunaan tanpa kawalan berisiko alami komplikasi kesihatan

Berita Harian 19 Jul 2018 [+2 more](#) Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias

Penjualan ubat terkawal 'isotretinoin' secara berleluasa di media sosial dan laman beli-belah dalam talian, membimbangkan berikutan penggunaannya tanpa kawalan untuk rawatan jerawat mampu mengundang pelbagai risiko.

Selain kesan sampingan

termasuk pelbagai komplikasi kesihatan kepada pengguna, penggunaan isotretinoin oleh wanita mengandung turut berisiko mengundang kecacatan janin yang boleh mengakibatkan keguguran kepada bayi dilahirkan.

Tinjauan BH mendapati produk

isotretinoin menggunakan pelbagai jenama komersial dijual secara terbuka dalam talian, dengan cukup murah iaitu harga serendah RM3 sebiji berbanding harga pasaran RM6 hingga RM7 sebiji.

Ia bertentangan dengan statusnya sebagai ubat kawalan

yang sepatutnya hanya boleh diperoleh dari klinik atau farmasi dengan disertakan preskripsi doktor.

Pakar Dermatologi dari Persatuan Dermatologi Malaysia, Dr Kartini Farah Rahim, berkata penjualan terbuka isotretinoin sukar dikawal berikutan produk itu



boleh dibeli terus daripada pembekal, dipercayai dari negara jiran melalui saluran media sosial.

Beliau berkata, selain laman jual beli dalam talian, kebimbangan turut timbul apabila ada klinik bukan berstatus pakar turut menjual produk berasaskan isotretinoin secara meluas tanpa disusuli pemantauan kesan sampingan.

"Pakar kulit yang ada lesen saja boleh beri ubat ini dan ia mesti dipantau dengan pemeriksaan darah secara berkala untuk

**EKSKLUSIF!**

**UBAT TERKAWAL  
DIJUAL BERLELUASA  
DALAM TALIAN**

**Ms.9**



mengelakkan kesan sampingan.

## Kementerian Kesihatan tak benar

“Apa yang menjadi masalah ada klinik bukan pakar jual produk ini, sedangkan ia tidak dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan.

“Di luar negara penjualan (isotretinoin) dikawal ketat, dengan setiap kali sebelum penggunaan atau mahu menyambung ubat, ujian kehamilan akan dilakukan ke atas remaja perempuan,” katanya kepada BH.

Kebimbangan terhadap penggunaan isotretinoin tanpa kawalan pernah dibangkitkan Medical Mythbusters Malaysia melalui laman Facebooknya dua tahun lalu, malah Kementerian Kesihatan ketika itu turut mengambil tindakan ke atas hampir 250 laman web dan 200 akaun sosial peribadi yang digunakan untuk menjual ubatan secara atas talian.

Berdasarkan laman Facebook itu yang dikendalikan anggota perubatan bertauliah untuk menjawab mitos dan fitnah ke atas bidang perubatan, sekurang-kurangnya tujuh kesan sampingan penggunaan isotretinoin disenarai.



Ia meliputi kekeringan kulit termasuk bibir dan mata, jangkitan kulit sekiranya kulit kering dan luka, pendarahan dari hidung akibat daripada kekeringan dan kulit menjadi sensitif terhadap cahaya matahari, sakit sendi dan otot, gangguan penglihatan dan kecacatan janin bagi ibu mengandung.

Dr Kartini mengakui pihaknya sendiri menerima maklumat bahawa ramai pengguna isotretinoin yang dibeli secara dalam talian, terpaksa mendapatkan rawatan susulan

berikutan kesan sampingan dihadapi.

“Bagi Persatuan Dermatologi Malaysia, kita sudah menghantar laporan ke Bahagian Regulatori Farmasi Kebangsaan (NPRA) mengenai kebimbangan ini supaya tindakan susulan dapat diambil, khususnya dalam mengelak penjualan terbuka ubatan terkawal,” katanya.

Pakar kulit yang ada lesen saja boleh beri ubat ini dan ia mesti dipantau dengan pemeriksaan darah yang dilakukan secara berkala untuk mengelakkan kesan sampingan” Dr Kartini Farah Rahim, Pakar Dermatologi dari Persatuan Dermatologi Malaysia

## Related Stories

Syor pasukan khas lindungi kepentingan pengguna

Berita Harian · 20 Jul 2018

Isotretinoin dipercayai diseludup dari negara jiran: Pengedar sah

Berita Harian · 19 Jul 2018